

**SOROTAN LATAR BELAKANG TOKOH MAAL HIJRAH PERINGKAT
NEGERI TERENGGANU 2018: TUAN HAJI TALIB BIN ABDUL RAHMAN**

Siti Zaleha Ibrahim

Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
sitizaleha@kuis.edu.my

Dr. Phayilah Yama

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
phayilah@kuis.edu.my

Dr. Zainora Daud

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
zainora@usim.edu.my

ABSTRAK

Penulisan ini mengkaji biografi Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri Terengganu tahun 2018 iaitu Tuan Haji Talib bin Abdul Rahman. Nama beliau tidak asing lagi di negeri Terengganu terutama di daerah Kuala Nerus. Ketokohan dan sumbangan besar terhadap masyarakat Terengganu dalam bidang pengajian agama telah menyebabkan beliau dinobatkan sebagai seorang tokoh Maal Hijrah Peringkat negeri Terengganu 2018. Kajian adalah berbentuk kualitatif iaitu mengumpul maklumat melalui metode keperustakaan dan dokumentasi serta disokong oleh elemen temu bual. Penulisan ini menghuraikan secara terperinci latar belakang tokoh, keluarga, pendidikan serta sumbangannya dalam pengajian agama di pelusuk tempat di negeri Terengganu. Hasil kajian mendapati bahawa Tuan Haji Talib bin Abdul Rahman bukan sahaja aktif dalam pengajaran agama kepada masyarakat malah turut giat dalam penulisan ilmiah.

Kata kunci: *Tuan Haji Talib bin Abdul Rahman, pengajian, agama, Terengganu*

Pendahuluan

Pendidikan Islam yang sistematik di Terengganu telah diasaskan oleh Tok Pulau Manis sejak abad ke 17M. Jika diamati, Terengganu merupakan sebuah negeri yang berjaya melahirkan ramai ulama terkemuka seperti Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau Tok Pulau Manis (w. 1736), Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim atau Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas (w. 1864), Syed Mohamad bin Zainal Abidin al-Idrus atau Tok Ku Tuan Besar (w. 1878), Haji Wan Abdullah bin Wan Mohamad Amin atau Tok Syeikh Duyung (w. 1889) dan lain-lain (Rohaizan Baru, 2016).

Perkembangan dalam Pendidikan Islam telah berlaku dengan pesatnya di Terengganu pada abad 20. Tokoh yang terkemuka pada zaman tersebut antaranya ialah Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani (w. 1910), Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Idrus atau Tok Ku Paluh (w.1917), Tuan Guru Haji Hussain (w.1917), Tuan Guru Haji Umar Kampung Raja

(w.1941), Tuan Guru Haji Mat Syafi'i Losong (w. 1945), Faqih Abdullah atau Tok Faqir Kuala Berang (w.1966), Tuan Guru Haji Abdul Latif, Alor Keladi (w. 1970), Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussain (w. 1971), Haji Zainal Abidin Dungun (w.1977), Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif Jertih (w.1989) dan Tok Guru Haji Abbas (w. 1997) dan lain-lain (Rohaizan Baru, 2016).

Penulisan ini akan mengkaji salah seorang tokoh ulama Melayu Nusantara yang telah berhijrah ke Terengganu iaitu Tuan Haji Talib bin Abdul Rahman. Beliau sangat aktif dalam dunia pendidikan dan pengajian Islam sehingga dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah Negeri Terengganu Tahun 2018.

Objektif

Terdapat dua objektif utama dalam kajian. Objektif pertama kajian ialah untuk mengenali tokoh dengan lebih mendalam lagi. Selain itu, kajian dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti sumbangan tokoh dalam bidang pendidikan terutama dalam pengajian kitab.

Metodologi

Metodologi penyelidikan adalah kaedah yang akan digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Penggunaan metodologi penyelidikan yang tepat dan betul amat mempengaruhi dalam penghasilan kajian ilmiah. Dalam erti kata lain, penyelidikan yang berkualiti akan dapat dihasilkan sekiranya metodologi yang digunakan adalah tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya.

Kajian adalah berbentuk kualitatif iaitu mengumpul maklumat melalui metode keperustakaan dan dokumentasi serta disokong oleh elemen temu bual. Kajian kepustakaan ini melibatkan pencarian bahan rujukan di perpustakaan dan tidak melibatkan aktiviti lapangan. Ia tidak memerlukan kos yang tinggi dan lebih menjimatkan masa. Namun, metodologi ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian memandangkan ia hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan.

Kaedah kedua yang digunakan ialah kaedah temubual. Proses analisis data melalui temu bual melibatkan tujuh langkah seperti yang dinyatakan oleh Kvale (1996) iaitu *thematizing* (skop tema yang ingin diperoleh), *designing* (soalan dalam protokol temubual dan nota catatan), *interviewing* (proses temubual), *transcribing* (transkrip temu bual dalam teks verbatim), *analyzing* (membaca transkrip dan mengenal pasti tema), *verifying* (mengesahkan kredibiliti data) dan *reporting* (menulis laporan).

Kebanyakan pengkaji yang menjalankan kajian lapangan mempunyai jangkakan awal bahawa terdapat kesukaran untuk menjalankan temu bual di lapangan kajian terutamanya mendapatkan kerjasama daripada informan kajian. Tidak dinafikan terdapat kesukaran mendapatkan kerjasama daripada informan. Namun begitu, perkara utama yang perlu diberi perhatian bagi menjalankan kajian lapangan ialah mendapatkan kesahihan dalam data yang diperolehi.

Kesahihan data kajian bukan sekadar hanya informan membenarkan ditemu bual sahaja. Malahan, mendapatkan kesahihan data kajian memerlukan informan-kajian kajian bersifat terbuka dan bersedia memberi maklumat yang telus dan mendalam terhadap persoalan-persoalan semasa temu bual tanpa sebarang prejudis atau hanya memberi makluman yang terhad. Burgess

(1991), berpendapat bahawa mendapatkan kebenaran merupakan proses yang sukar bergantung kepada situasi kajian. Oleh sebab itu, pengkaji perlu sentiasa berunding dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan kerjasama informan semasa mendapatkan data di lapangan.

Latar Belakang Tokoh dan Keluarga



(Gambar 1: Tuan Haji Talib bin Rahman)

Nama diberi Haji Talib bin Abdul Rahman telah dilahirkan pada 1 Januari 1953. Beliau dilahirkan di Wilayah Kompong Cham, Kemboja dan mula berhijrah ke Malaysia pada 30 Jun 1975. Beliau mendapat taraf penduduk tetap pada 2 Oktober 1977 dan seterusnya mendapat taraf warganegara pada 20 November 1991. Selain itu, beliau turut mendapat kerakyatan Terengganu pada 12 Mac 1997.

Beliau kini menetap di Kampung Kubur Sharif, Padang Nenas, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman. Beliau telah berkahwin dengan isterinya, Hajah Rafieyah binti Sulaiman. Isteri beliau turut berasal dari Wilayah Kompong Cham, Kemboja. Isteri beliau dilahirkan pada 18 Disember 1955 dan juga merupakan suri rumah sepenuh masa.

Nama bapa beliau ialah Abdul Rahman bin Abdullah manakala ibunya bernama Sofiah binti Abu Samah. Ibu bapa beliau telah dilahirkan di Wilayah Kompong Cham, Kemboja. Bapa beliau merupakan seorang nelayan di sungai Mekong manakala ibunya adalah seorang petani dan suri rumah.

Hasil perkahwinannya dengan Hajah Rafieyah binti Sulaiman, beliau telah dinugerahkan 9 orang cahaya mata yang terdiri daripada 5 orang lelaki dan 4 orang perempuan. Anak-anak beliau berusia di antara 22 hingga 43 tahun. Kebanyakan anak beliau merupakan graduan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dapat diperhalusi di sini bahawa anak yang pertama, keempat, kelima dan keenam telah mendapat pendidikan tertinggi iaitu Sarjana Muda dalam pelbagai bidang di UIAM. Sementara itu, anak kedua beliau merupakan lulusan Universiti Malaya (UM) manakala anak ketiga beliau mendapat pendidikan di Universiti Sains Malaysia (USM). Selain itu, anak beliau yang ketujuh mendapat pendidikan di Universiti Teknologi PETRONAS (UTP). Seterusnya anak beliau yang kelapan dan bongsu masing-masing mendapat pendidikan di UniSZA dan di Universiti Yarmouk, Jordan (Temubual bersama Tuan Haji Talib, 15 Februari 2019, 8.30 pagi).

Latar belakang Pendidikan Tokoh

Beliau mendapat Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Khemer, Kemboja pada tahun 1961. Kemudian beliau menyambung pelajarannya di salah sebuah sekolah pondok di Kemboja bermula pada tahun 1964 dan tamat pada 1972.

Pada tahun 1972 sehingga 1974, beliau mengajar pelajaran Agama Islam dan Fardu Ain di salah sebuah kampung. Pada tahun berikutnya, beliau menyambung pembelajarannya di Sekolah Menengah Agama Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan di Peringkat Thanawi selama 2 tahun. Pada tahun 1978, beliau menyambung pengajiannya di Universiti Islam Madinah, Saudi Arabia iaitu di peringkat Sarjana Muda (B.A Hons) Bahasa dan Kesusasteraan Arab. Alhamdulillah pada tahun 1983, beliau telah berjaya mendapat segulung ijazah dari Universiti Islam Madinah, Saudi Arabia.

Beliau turut menyambung pelajaran di peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1995 hingga 1997. Beliau telah menamatkan pembelajarannya dengan jayanya dengan memperolehi Sarjana (M.A) Bahasa Arab dan Tamadun Islam pada tahun 1998 (Temubual bersama Tuan Haji Talib, 15 Februari 2019, 8.30 pagi).

Sumbangan Tokoh dalam Pendidikan di Terengganu

Beliau merupakan seorang yang aktif dan banyak memberi sumbangan dan penglibatan kepada masyarakat dalam pembangunan Islam. Antaranya ialah beliau merupakan pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada tahun 2009 hingga 2014. Perkhidmatan beliau di UniSZA atau nama lamanya Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin bermula dari tahun 1984 lagi. Setelah menamatkan perkhidmatan di UniSZA, beliau menjadi Pegawai Penyelidik di Jabatan Mufti Negeri Terengganu pada tahun 2015 hingga 2018.

Beliau juga telah menyandang jawatan sebagai Penasihat Jawatankuasa Masjid Padang Nenas selama 10 tahun bermula pada tahun 2010 hingga 2019. Selain itu, beliau juga dilantik menjadi AJK Penggubalan Modul Al Maddah Al Diniyah untuk pelajar Sekolah Imtiyaz Yayasan Terengganu. Beliau juga merupakan AJK pertubuhan serta Penasihat AJK Maahad Tahfiz Al-Rahmah, Paloh, Terengganu pada tahun 2013 hingga 2019.

Tuan Haji Talib sangat aktif dalam menyampaikan kuliah kepada masyarakat Terengganu khususnya di daerah Kuala Nerus dan Setiu. Penglibatan beliau dalam kuliah agama di masjid-masjid dalam Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus bermula dari tahun 1986 hingga sekarang. Tidak hairanlah jadual beliau sangat padat kerana beliau memperuntukkan 6 malam seminggu untuk kelas pengajian agama. Antara masjid tempat beliau mengajar ialah Masjid Padang Nenas, Masjid Ikhlas Banggol Tuan Muda, Masjid Maras dan lain-lain. Kuliah yang disampaikan beliau umumnya terdiri daripada kuliah Maghrib dan Kuliah Dhuha. Ia merangkumi kuliah ibadat, tafsir, feqah, tasawwuf dan lain-lain.

Tuan Haji Talib juga mengendalikan kelas Tafaqquh Fiddin untuk para hakim Mahkamah Syariah pada setiap dua minggu sekali di bangunan Mahkamah Syariah pada tahun 2009 dan 2010. Selain untuk para hakim, beliau turut mengendalikan kelas Fardu Ain untuk para ibu di Masjid UniSZA (Temubual bersama Tuan Haji Talib, 15 Februari 2019, 8.30 pagi).

Jasa dan bakti beliau kepada masyarakat di negara ini khususnya Terengganu sangatlah banyak, termasuklah pernah menjadi panel penggubal Peristilahan bahasa dan kesusasteraan

Arab Dewan Bahasa dan Pustaka. Di peringkat negeri, beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Islam Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (maidam), AJK penasihat Zakat Maidam dan AJK Panel penulisan kutbah selain merupakan salah seorang AJK Fatwa Negeri Terengganu. (<https://www.teganukita.net/2018/09/talib-tokoh-maal-hijrah-terengganu.html>)

Tuan Haji Talib juga dikenali masyarakat melalui rancangan-rancangan agama di corong radio. Beliau pernah menjadi tetamu undangan dalam segmen tertentu seperti Fardu Ain, kemusykilan agama dan lain-lain di Radio Terengganu Malaysia. Suara beliau menjadi igauan sekitar akhir tahun 1990-an (Temubual bersama Tuan Haji Talib, 15 Februari 2019, 8.30 pagi).

Karya dan Penulisan Tokoh

Berpegang kepada prinsip ilmu perlu disampaikan dan disebarkan kepada masyarakat, maka tidak hairanlah Tuan Haji Talib turut menyampaikan ajaran Islam melalui tulisan. Banyak artikel dan buku beliau telah dicetak untuk bacaan masyarakat umum.

Sebagai contoh, buku Majmu'ah Min Al-Fatawa Li Wilayah Terengganu. Ia adalah terbitan Jabatan Mufti Negeri Islam pada tahun 2016. Seterusnya hasil karya terbaru ialah Ulasan Fatwa Negeri Terengganu. Buku ini merupakan terbitan tahun 2018 Jabatan Mufti Negeri Terengganu.

Tuan Haji Talib juga banyak menulis khutbah Solat Jumaat untuk masjid-masjid di negeri Terengganu. Antara tulisan khutbah Jumaah beliau ialah Ibu Bapa Cemerlang, Anak Gemilang, Ibadat Haji Falsafah dan Hikmatnya dan banyak lagi (Temubual bersama Tuan Haji Talib bin Rahman. 15 Februari 2019. 8.30 pagi).

Anugerah dan Pencapaian Tokoh

Beliau juga pernah mendapat beberapa anugerah dan pengiktirafan antaranya ialah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KUSZA pada tahun 2000, 2006 dan juga 2009. Selain itu, beliau juga mendapat pengiktirafan sebagai Ahli Mahkota Terengganu (AMT) pada tahun 2013.

Pada tahun 2018, beliau telah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Terengganu tahun 2018 bersamaan 1440H. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk A. Rahman Yahya berkata, pemilihan beliau adalah berikutan sumbangan dan komitmen beliau dalam meninggikan syiar Islam bukan sahaja di peringkat negeri malahan di peringkat nasional juga (<https://azliadlan.blogspot.com/2018/09/talib-dipilih-tokoh-maalhijrah.html>).



(Gambar 2: Penganugerahan Sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Terengganu 2018)

Penutup

Sebagai kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini telah dapat mengenali tokoh dengan lebih mendalam lagi. Tuan Haji Talib sangat peramah dan sangat mudah didekati. Selain itu, hasil kajian juga dapat mengenalpasti sumbangan tokoh dalam bidang pendidikan terutama dalam pengajian kitab di samping penghasilan karya ilmiah yang bermanfaat untuk bacaan umum. Sewajarnya kita mencontohi tokoh dalam kesungguhannya menyampaikan ilmu kepada masyarakat bukan sahaja melalui kuliah di masjid, malahan melalui corong radio dan penulisan buku.



(Gambar 3: Penulis bersama Tokoh dan isterinya)

Rujukan

<https://azliadlan.blogspot.com/2018/09/talib-dipilih-tokoh-maal-hijrah.html>. diakses pada 22 September 2019.

<https://www.teganukita.net/2018/09/talib-tokoh-maal-hijrahterengganu.html>. diakses pada 22 September 2019.

Rohaizan Baru. 2006. Perkembangan Ilmu Hadis Di Negeri Terengganu Darul Iman. *Jurnal Usuluddin*, 23-24, 91-116.

Temubual bersama Tuan Haji Talib bin Rahman. 15 Februari 2019. 8.30 pagi.